



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN PROGRAM INOVASI **JANM** TAHUN 2024

Disediakan Oleh:
Urusetia Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM

PELAKSANAAN PROGRAM INOVASI JANM TAHUN 2024

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah merancang pelaksanaan 12 aktiviti inovasi sepanjang tahun 2024. Kesemua aktiviti yang dirancang dalam kalendar Inovasi 2024



Perincian bagi setiap aktiviti inovasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 adalah seperti berikut:

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL INOVASI

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan warga JANM. Tempoh pertandingan bermula dari 15 April 2024 hingga 30 Jun 2024. Sebanyak 25 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan dan tiga (3) pemenang pilhan juri adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/Negeri	Tajuk Artikel
Pertama	Puan Nur Salmee binti Mohd Hassan	BPAD	Integrasi Kecerdasan Buatan Dalam Memacu Dinamika Perakaunan Sektor Awam
Kedua	Dr. Tajudin bin Ahmad	BPOPA	Menggalakkan Pembudayaan Inovasi Digital Melalui Penggunaan AI dalam Pengurusan Kewangan
Ketiga	Encik Mohd Reduan bin Aini	JANM Negeri Sarawak	Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

PERTANDINGAN IDEA INOVASI

Pertandingan Idea Inovasi telah diadakan bermula 15 Mei 2024 hingga 15 Jun 2024. Pertandingan ini diadakan untuk membudayakan inovasi dan kreatif dalam gerak kerja warga JANM dalam usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 11 penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Negeri	Cadangan Idea Inovasi
Pertama	YM Tengku Mohd Azlan bin Tengku Dalam	JANM Pahang	RPA Semakan Antara Gaji dan Data AP Secara Auto Bagi Proses <i>2nd Validation</i>
Kedua	Puan Ng Peik See	JANM Sabah	Transformasi Templat Ms Excel ke Ms Word untuk menghasilkan borang 'Easy' Naziran Aset Tak Alih PTJ
Ketiga	Puan Salina binti Zainal Abidin	BPAD	Senarai Aset Alih Digital (iKEW PA-7)

PERTANDINGAN TEMA INOVASI

Pertandingan Tema Inovasi telah diadakan bermula 1 April 2024 hingga 31 Mei 2024. Pertandingan ini diadakan untuk mencetus idea kreatif warga JANM dalam penghasilan tema yang akan digunakan sebagai Tema Inovasi Jabatan pada tahun 2025. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 60 penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Negeri	Tajuk Tema Inovasi
Pertama	Puan Nurul Huda binti Noor Affendi	BPTM	Inovasi Digital Memperkasa Perakaunan Berintegriti
Kedua	Puan Rumini binti Ismail	JANM Keningau	Peneraju Unggul Inovasi Pendigitalan Perakaunan
Ketiga	Puan Ts. Yusmaria binti Mohd Soludi	BPOPP	Terokai Inovasi, Terajui Teknologi

LAWATAN INOVASI

Program Lawatan Inovasi dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada warga JANM berkaitan aktiviti, inisiatif dan idea inovasi yang dilaksanakan oleh agensi lain. Selain daripada pertambahan idea kepada peserta, ianya juga bertujuan untuk mempertingkatkan jaringan kerjasama dengan agensi luar.

Lawatan Inovasi Siri 1 ke TESLA, Malaysia telah diadakan pada 5 Jun 2024 dengan penyertaan seramai 38 peserta JANM Ibu Pejabat yang diketuai oleh Puan Fatimah binti Ibrahim, Timbalan Pengarah BPAD.



Lawatan peserta ke TESLA, Malaysia

Lawatan Inovasi Siri 2 ke Aerodyne Malaysia, Cyberjaya pula telah diadakan pada 22 Ogos 2024. Seramai 40 wakil Bahagian JANM telah menyertai lawatan tersebut.



Lawatan peserta ke Aerodyne, Malaysia

PERTANDINGAN VIDEO KORPORAT JANM

Pertandingan Video Korporat JANM telah diadakan bermula dari 15 Mei 2024 hingga 14 Jun 2024. Pertandingan ini diadakan untuk mencungkil bakat dan idea kreatif warga JANM dalam penghasilan video korporat JANM yang dijangka akan digunakan sebagai video korporat rasmi jabatan untuk hebahan umum. Pertandingan ini telah menerima sebanyak sembilan (9) penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Kumpulan	Bahagian/ JANM Negeri
Pertama	2AM	BPOPA
Kedua	Tres Personas	BPOPP
Ketiga	Skuad Last Minit (SLM)	JANM Selangor

PERTANDINGAN EKSA BAHAGIAN TERBAIK

Pertandingan Eksa Bahagian Terbaik diadakan untuk memupuk budaya EKSA di kalangan warga JANM di samping sebagai salah satu persediaan JANM menghadapi pengauditan pensijilan semula EKSA JANM. Pertandingan ini telah diadakan pada Ogos 2024 dengan penyertaan oleh semua Bahagian JANM Ibu Pejabat. Tiga pemenang bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

Kedudukan	JANM Bahagian
Pertama	BKP
Kedua	BPTM
Ketiga	BPOPP

KURSUS PENYEDIAAN DOKUMEN DAN PERSEMBAHAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JANM

Kursus Penyediaan Dokumen dan Persembahan Projek KIK JANM telah diadakan pada 14 hingga 16 Julai 2024 di Institut Pengurusan Peladang, Langkawi. Jumlah penyertaan adalah seramai 50 orang yang terdiri daripada wakil JANM Bahagian/Negeri dan Cawangan. Penceramah jemputan adalah Encik Rosdi bin Osman yang bertugas di Jabatan Pengurusan Risiko, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang pelaksanaan Pembudayaan dan Pemeraksanaan Inovasi Dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.



Sesi Kursus Penyediaan Dokumen Projek KIK

PERTANDINGAN VIDEO TIKTOK INOVASI

Pertandingan Video Tiktok Inovasi telah diadakan pada 15 Julai 2024 hingga 2 Ogos 2024 untuk memberikan ruang kepada warga JANM berkarya dalam menyampaikan pemahaman berkaitan topik-topik perakaunan akruan secara ringkas dan padat. Pertandingan ini telah menerima sebanyak sembilan (9) penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Kumpulan	Bahagian/ JANM Negeri
Pertama	Anchor Akruan	PPPA
Kedua	#Geng Kalut	BA MOF
Ketiga	ABC	JANM Negeri Sarawak

PERTANDINGAN LARIAN INOVASI

Pertandingan Larian Inovasi telah diadakan pada 1 hingga 31 Ogos 2024. Pertandingan ini diadakan untuk membentuk warga JANM yang sihat dari segi mental dan fizikal selari dengan kehidupan zaman moden yang memberi fokus kepada tenaga dalaman dan pemikiran. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Kumpulan Sonic	JANM Tawau
Kedua	Kumpulan Last Minit	BPTM & BPOPA
Ketiga	Kumpulan Hero Beauty Fitness	JANM Sabah

CERAMAH INOVASI

Ceramah Inovasi bertajuk 'Relativiti Kecerdasan Buatan (AI) Dalam Proses Kerja Harian' telah disampaikan oleh Tuan Ts. Mohd Dzul Aiman bin Aslan dari Agensi Nuklear Malaysia pada 24 September 2024 di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Ceramah ini diadakan untuk meningkatkan kefahaman warga JANM mengenai perkembangan teknologi dan inovasi terkini dan bagaimana ia memainkan peranan penting dalam kemajuan organisasi terutamanya berkaitan pelaksanaan dalam sektor awam.



Poster Ceramah Inovasi JANM Tahun 2024

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI & *KNOWLEDGE MANAGEMENT* JANM TAHUN 2024

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan *Knowledge Management* JANM 2024 yang merupakan salah satu aktiviti tahunan di dalam Pelan Tindakan Inovasi JANM 2021 - 2024 dan acara kemuncak bagi aktiviti inovasi JANM tahun 2024 telah diadakan pada 22 Oktober 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Sambutan pada kali ini telah diadakan bersekali dengan Sambutan Hari *Knowledge Management* dan telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Nor Yati binti Ahmad, Akauntan Negara Malaysia.



Sesi Perasmian Hari Inovasi dan *Knowledge Management* JANM Tahun 2024

----- TAMAT -----